

Laksana tempoh moratorium pembukaan kampus baharu

➔ Jumlah kolej, universiti sedia ada seluruh negara mencukupi

Oleh **Suhaila Shahrul Anuar**

suhaila.shahrul@bh.com.my

► **Putrajaya**

Kementerian Pendidikan Tinggi melaksanakan tempoh moratorium bagi pembukaan sebarang kampus baharu kolej dan universiti tempatan serta asing di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata keputusan itu dibuat kerana jumlah kolej dan universiti sedia ada di seluruh negara dilihat mencukupi, namun jika ada yang

mahu membuka cawangannya di negara ini, harus dari kalangan universiti terkemuka.

"Jika ada (permohonan) dari senarai 100 universiti terkemuka dunia, kami (kementerian) sedia menimbangkannya atau jika universiti sendiri dapat yakinkan Kabinet," katanya sambil menambah, ada 400 kolej dan universiti swasta sedia ada di Malaysia ketika ini.

Beliau berkata demikian selepas sesi ramah mesra dengan pelajar antarabangsa di Heriot-Watt University dan Majlis Perasmian Persepadan Antarabangsa Bersepadu Universiti Kebangsaan Malaysia



Idris bersama pelajar pada majlis meraikan kejayaan Heriot-Watt University menerima pengiktirafan daripada Times and Sunday Times Good University Guide 2018 di Putrajaya, semalam.

(UKM), di sini semalam.

Idris turut menggalakkan universiti tempatan menjalin lebih banyak kerjasama dengan universiti antarabangsa untuk penawaran program latihan dan pendidikan transnasional bagi menzahirkan matlamat menjadikan Malaysia hab pendidikan global.

Kerjasama universiti

Katanya, kerjasama berkenaan boleh dalam bentuk menempatkan pelajar universiti tempatan di universiti antarabangsa berkenaan selama tempoh tertentu.

"Heriot-Watt University baru-ba-

ru ini diiktiraf Times and Sunday Times Good University Guide 2018 sebagai universiti antarabangsa terbaik. Ini mungkin permulaan baik ke arah lebih banyak jalinan kerjasama dengan universiti tempatan.

"Saya sudah bercakap dengan Ketua Pegawai Eksekutif dan Provos Heriot-Watt Universiti Malaysia, Prof Mushtak Al Atabi berhubung perkara ini dan beliau positif mengenainya serta sedia berbincang lebih lanjut," katanya.

Buat permulaan, katanya, UKM boleh menjadi universiti tempatan pertama menjalin kerjasama de-

ngan Heriot-Watt University termasuk menempatkan pelajar tempatan di universiti antarabangsa itu untuk tempoh setahun.

Heriot-Watt University yang berpangkalan di United Kingdom mempunyai lebih 30,000 pelajar yang kini menuntut di lima kampusnya, termasuk dua kampus antarabangsa, masing-masing di Dubai dan Malaysia.

Sementara itu, Idris berkata, setiap tahun kira-kira 70,000 permohonan visa pelajar antarabangsa diuruskan Sistem Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS).

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]